

(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up the CIMB Bank credit card. Be sure to also read the full set of Cardholder Terms and Conditions which can be found on our website at www.cimb.com.my)

CIMB Bank Credit Cards
Date: 16 July 2020

1. What is this product about?

- This is a credit card product with a line of credit granted by CIMB Bank (“the Bank”) to you. Any amount spent or used on the credit card which is not settled in full on or before the due date will be subject to finance charges.
- You have to be at least 21 years old to apply for the credit card. You also need to provide us with proof of your annual income but if you cannot provide such proof, we may still give you a credit card if you place a fixed deposit with us for an amount equal to the credit limit granted to you. The fixed deposit must be kept with us for as long as the credit card facility is available to you.

2. What do I get from this product?

- A Credit Card with a credit limit decided at the Bank’s sole discretion.

Payment of Finance Charges

- You have to pay finance charges at the rates indicated below for amounts owing under the credit card.

Finance Charges	Annual Rate	Remarks
Retail Transactions	15%	Cardholders with prompt payments for 12 consecutive months
	17%	Cardholders with prompt payment for 10 months or more in the last 12 months
	18%	Cardholders who do not fall under the above categories
Cash Advances	18%	The maximum cash advance that you can withdraw is subject to your current available credit limit or up to 60% of your total credit limit, whichever is lower. The cash advance amount will also be limited to the daily withdrawal limit of the ATM.

To enjoy lower finance charges for retail transactions, you should make at least 10 prompt payments in the last 12 months.

3. What are my obligations?

Minimum Payments

- You have to make the following **minimum** payments every month:-
 - (a) 5% of the current balance*; and
 - (b) 100% of any service tax and any other value added tax imposed; and
 - (c) 100% of all monthly instalments due for any programmes/arrangements operated by the Bank, including but not limited to Cashlite, instalment payment plan, balance transfer, balance conversion and auto balance conversion; and
 - (d) any other unpaid minimum payments specified in the preceding month’s statement;

or RM50, whichever is higher.

**current balance = retail transactions amount (if any) + cash advance amount (if any) + finance charges and/or late payment charges, taxes and any other applicable fees and charges (if any).*

Finance charges free period

- For new retail transactions - if you fully pay all amounts owed on time you enjoy 20 days finance charges free period from the statement date. However, if you do not fully pay what you owe on time, finance charges on these retail transactions will be calculated from the day these transactions are posted to your statement.
- There is no finance charges free period on balance transfers or cash advances.

Other Obligations

- As the principal cardholder, you are liable for all transactions incurred by your supplementary cardholders.
- You have to:-
 - (a) comply with the Bank's Cardholder Terms and Conditions ;
 - (b) keep your credit card and PIN secure at all times;
 - (c) also **not**:-
 - reveal your credit card details or PIN to any other person;
 - write down the PIN on the credit card, or on anything kept near the credit card;
 - use a PIN selected from your birth date, identity card, passport, driving license or contact numbers;
 - allow any other person to use the credit card and PIN;
 - (d) let the Bank know immediately after:-
 - you realise that your credit card has been lost, stolen, or an unauthorised transaction had occurred or the PIN may have been made known to any other person. You must also within seven (7) calendar days of the Bank's request, provide a copy of a police report of the loss and/or theft and/or the disclosure of the PIN ;
 - you receive a short message service (SMS) transaction alert and that transaction was not authorised by you; or
 - any change in your contact number;
 - (e) make sure you do not use your credit card for any illegal or unlawful activities; and
 - (f) carefully check your statement and report any discrepancy without delay within 14 calendar days from the date you receive the statement. Failure to do so may cause you to lose your right to challenge the discrepancy.

4. What are the fees and charges I have to pay?

Taxes, fees and expenses

You have to pay all taxes (*including service tax of RM25 that will be charged upon activation of new principal and supplementary credit card(s). For existing credit cardholders, service tax of RM25 will be charged upon annual renewal for each of your principal and supplementary Credit Cards*) and all other fees and expenses for credit cards issued to you or at your request and the Bank may debit these items from your credit card account.

Cardtype	Annual Fee (RM)	
	Principal Card	Supplementary Card
CIMB Preferred Visa Infinite Credit Card	WAIVED	WAIVED
CIMB Enrich World Elite Credit Card	RM1,215.09	RM271.70
CIMB Visa Infinite Credit Card	WAIVED	WAIVED
CIMB Enrich World Credit Card	RM554.72	WAIVED
CIMB World Mastercard Credit Card	WAIVED	WAIVED
CIMB Visa Signature Credit Card	WAIVED	WAIVED
CIMB Enrich Platinum Credit Card	WAIVED	WAIVED
CIMB Petronas Platinum Credit Card	WAIVED	WAIVED
CIMB Cash Rebate Platinum Credit Card	WAIVED	WAIVED
CIMB Platinum Mastercard Credit Card	WAIVED	WAIVED

CIMB Visa Platinum Credit Card	WAIVED	WAIVED
CIMB e Credit Card	RM100	WAIVED

CIMB Bank Credit Card / CIMB Touch 'n Go Zing Card Fees & Charges

Cash Advance Fee	The cash advance fee is 5% of the amount advanced or a minimum of RM15.00, whichever is higher. This is imposed for each cash advance transaction																		
Balance Transfer Fee	Not Applicable																		
Overlimit Fee	Not Applicable																		
Card Replacement Fee	RM10 for first replacement & RM50 for every subsequent replacement																		
Dishonoured Cheque Fee	Not Applicable																		
Sales Draft Retrieval Fee	RM14.15 per copy																		
Additional Statement Request Fee	RM5 per monthly statement																		
Other Fees & Charges	Not Applicable																		
Service Tax	RM25 will be imposed on each principal and supplementary credit card upon activation and annual renewal of the principal and supplementary credit card																		
Paper Statement Fee	RM1 per month																		
Conversion for Overseas Transaction	<p>The conversion rate as determined by Mastercard International or VISA International plus an administrative cost of 1%* plus any transaction fee charged by Mastercard or VISA.</p> <p>Dynamic Currency Conversion (DCC) is a service offered by certain overseas merchants to provide a choice to pay in Ringgit Malaysia (including online purchases) for overseas purchase</p> <p><i>* Not applicable for CIMB Enrich World Elite Credit Card</i></p>																		
CIMB Touch 'n Go Zing Card Fees & Charges	<table border="1"> <tr> <td>New Card</td> <td>RM10</td> </tr> <tr> <td>Card Replacement</td> <td>RM10</td> </tr> </table>	New Card	RM10	Card Replacement	RM10	<table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="4">Auto-reload Fee</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Reload Amount</td> <td>RM100</td> <td>RM200</td> <td>RM300</td> </tr> <tr> <td>Reload Fee</td> <td colspan="3">RM1.50</td> </tr> </tbody> </table>		Auto-reload Fee				Reload Amount	RM100	RM200	RM300	Reload Fee	RM1.50		
New Card	RM10																		
Card Replacement	RM10																		
Auto-reload Fee																			
Reload Amount	RM100	RM200	RM300																
Reload Fee	RM1.50																		

5. What if I fail to fulfil my obligations?

Late payment charges: If you do not make the minimum payment on time, you will be charged late payment charges of 1% on the unpaid balance arising from retail transactions and cash advances, subject to a minimum of RM10.00 and a maximum of RM100.00.

We may give you a grace period of four (4) calendar days to pay if the payment due date falls on a weekend or a public holiday.

Right to set-off: We may set-off any credit balance you have with us against any monies you owe us by giving you seven (7) calendar days prior notice.

Action we may take: We may take court legal action against you if you do not pay us on time. We may but need not:-

- call you to remind you to pay the amounts outstanding;
- send you reminders by letters, short messaging service or emails; or
- have our staff and/or outsourced debt collection agencies personnel visit you at your home or place of business to remind you of your payment obligations.

We may earmark any monies you may have in any of your accounts with us and exercise our right of set-off on these monies and/or blacklist your name with any credit agency or bureau or database.

Please also note we have the right to appoint external agents to collect debts due to us and to sell your debt owing to us to a third party.

Liability for unauthorised transactions:

You will be liable for

- a) PIN-based unauthorised transactions if you have:
 - (i) acted fraudulently; or
 - (ii) delayed in notifying the Bank as soon as you realise the loss or unauthorised use of your credit card; or
 - (iii) voluntarily disclosed your PIN to another person; or
 - (iv) recorded the PIN on the credit card, or on anything kept near your credit card.

- b) unauthorised transactions which require signature verification or with a contactless credit card, if you have:
 - (i) acted fraudulently; or
 - (ii) delayed in notifying the Bank as soon as you realised the loss or unauthorised use of your credit card; or
 - (iii) left your credit card or an item containing your credit card unattended, in places visible and accessible to others; or
 - (iv) voluntarily allowed another person to use your credit card.

Suspension or termination of credit card

If you don't pay what you owe us or breach any of the terms of use of the credit card, we may suspend or terminate your credit card and may decide not to reinstate the credit card even after you regularize your account.

If you use your credit card for any illegal or unlawful purpose (e.g. for on-line gambling purposes, illegal activities, allowing another person to use the card, etc) we may terminate your credit card.

6. What if I fully settle the balance before its maturity? (For balance transfer or flexi payment plans)

- Lock-in period: Not Applicable
- Early settlement penalty: Not Applicable

Please refer to CIMB Bank website at www.cimb.com.my for our Balance Transfer Product Disclosure Sheet (PDS).

7. What are the major risks?

If you pay only the minimum amount due, it will take you longer and cost you more to settle the outstanding balance. Think about your repayment capacity when charging the credit card.

The finance charges imposed on the outstanding balance for this credit card is based on a tiered pricing structure in accordance to your repayment history.

If you use your credit card to make repayment for other financing, it may cost you more.

If you have problems paying for your credit card balances, contact us in advance to discuss repayment alternatives.

You should notify us immediately after having discovered that the credit card is lost, stolen, an unauthorised transaction had occurred or the PIN may have been compromised.

8. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

9. Where can I get further information?

If you require additional information on credit cards, please refer to the banking info booklet on 'Credit Cards', available at all our CIMB Bank branches nationwide and the www.bankinginfo.com.my website or log on to www.cimb.com.my.

If you have any enquiries, please contact us at +603 6204 7788.

10. Other credit card products available:

Please refer to CIMB Bank website at www.cimb.com.my.

11. Notice On Paying Only Minimum Monthly Repayment

The following table shows how much finance charges you have to pay and how long it takes to fully repay your debt where you only pay the minimum amount for different outstanding amount scenarios. The computations are based on 5% minimum payment or RM50, whichever is higher, at a finance charge of 18% provided there are no new transactions. This calculation is based on 30 days a month.

Examples under different outstanding amount scenarios			
Outstanding balance (RM)	Repayment (RM)	Repayment Period (RM)	Total Finance Charges Incurred (RM)
3,000	Min pay 150	55	1,054.96
	Pay 250	14	332.67
5,000	Min pay 250	70	1,912.09
	Pay 350	17	669.63
10,000	Min pay 500	89	4,054.96
	Pay 650	18	1,455.31

12. Where can I get assistance and redress?

If you have difficulties in making repayments, you should contact us earliest possible to discuss repayment alternatives. You may contact us at:

Customer Resolution Unit

Address : P.O. Box 10338 GPO Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan

Telephone : +603 6204 7788

E-mail : cru@cimb.com

Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling, financial education and debt restructuring for individuals. You may contact AKPK at:

Address : Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur

Telephone : +603 2616 7766

E-mail : enquiry@akpk.org.my

You may also join the "Pengurusan Wang Ringgit Anda" (POWER) Programme offered by AKPK that promotes financial discipline and prudent financial management. For further information or to register, please call AKPK at +603 2616 7766 or visit the website at www.akpk.org.my

If you wish to complain on the products or services provided by us, you may also contact us at:

Customer Resolution Unit

Address : P.O. Box 10338 GPO Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan

Telephone : +603 6204 7788

E-mail : cru@cimb.com

If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at :

Address : Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Telephone : 1 300 88 5465

Fax : +603 2174 1515

E-mail : bnmtelelink@bnm.gov.my

IMPORTANT NOTE: LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF YOU DO NOT KEEP UP REPAYMENTS ON YOUR CREDIT CARD BALANCES.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 16/7/2020.

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan kad kredit CIMB Bank. Pastikan anda juga membaca set lengkap Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad yang boleh didapati di laman web www.cimb.com.my)

Kredit Kad CIMB Bank
Tarikh: 16 Julai 2020

1. Apakah produk ini?

- Ini adalah produk kad kredit dengan kemudahan kredit yang diberikan oleh CIMB Bank ("Bank") kepada anda. Sebarang jumlah yang dibelanjakan atau digunakan pada kad kredit yang tidak diselesaikan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang akan tertakluk kepada caj kewangan.
- Anda dikehendaki berumur sekurang-kurangnya 21 tahun untuk memohon kad kredit. Anda juga dikehendaki memberi kami bukti pendapatan tahunan anda tetapi sekiranya anda tidak dapat memberikan bukti sedemikian, kami masih boleh memberikan kepada anda kad kredit jika anda menempatkan simpanan tetap dengan kami untuk suatu jumlah yang sama dengan had kredit yang diberikan kepada anda. Simpanan tetap tersebut mesti dikekalkan dengan kami selagi kemudahan kad kredit disediakan kepada anda.

2. Apakah yang boleh saya dapat dari produk ini?

- Satu Kad Kredit dengan had kredit yang ditentukan pada budi bicara tunggal Bank.

Bayaran Caj Kewangan

- Anda dikehendaki membayar caj kewangan pada kadar yang ditunjukkan di bawah bagi jumlah terhutang di bawah kad credit.

Caj Kewangan	Kadar Tahunan	Catatan
Transaksi Runcit	15%	Pemegang Kad menjelaskan bayaran tepat pada masanya untuk tempoh 12 bulan berturut-turut
	17%	Pemegang Kad menjelaskan bayaran tepat pada masanya untuk tempoh 10 bulan atau lebih dalam 12 bulan sebelumnya
	18%	Pemegang Kad yang tidak termasuk dalam kategori di atas
Pendahuluan Tunai	18%	Pendahuluan tunai maksimum yang anda boleh keluarkan adalah tertakluk kepada had kredit sedia ada semasa anda atau sehingga 60% daripada jumlah had kredit anda, yang mana lebih rendah. Jumlah pendahuluan tunai juga akan terhad kepada had pengeluaran ATM.

Untuk menikmati caj kewangan yang lebih rendah bagi transaksi runcit, anda dikehendaki membuat sekurang-kurangnya 10 bayaran segera dalam tempoh 12 bulan yang lalu.

3. Apakah kewajipan saya?

Bayaran Minimum

- Anda perlu membuat bayaran **minimum** berikut setiap bulan:-
 - (a) 5% daripada baki semasa*; dan
 - (b) 100% daripada sebarang cukai perkhidmatan dan sebarang cukai nilai tambah lain yang dikenakan; dan
 - (c) 100% daripada semua ansuran bulanan yang kena dibayar untuk mana-mana program/pengaturan yang dikendalikan oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada *CashLite*, pelan pembayaran ansuran, pemindahan baki, penukaran baki dan penukaran baki automatik; dan
 - (d) sebarang bayaran minimum lain yang tidak dibayar yang ditentukan dalam penyata bulan sebelumnya;

atau RM50, mana-mana yang lebih tinggi.

**baki semasa = jumlah transaksi runcit (jika ada) + jumlah pendahuluan tunai (jika ada) + caj kewangan dan/atau caj bayaran lewat, cukai dan sebarang fi dan caj terpakai lain (jika ada).*

Tempoh percuma caj kewangan

- Bagi transaksi runcit baru – jika anda membayar sepenuhnya semua jumlah yang terhutang tepat pada masanya, anda boleh menikmati 20 hari tempoh percuma caj kewangan dari tarikh penyata. Walau bagaimanapun, jika anda tidak membayar sepenuhnya apa yang anda hutang tepat pada masanya, caj kewangan ke atas transaksi runcit ini akan dikira dari hari transaksi ini diposkan dalam penyata anda.
- Tiada tempoh percuma caj kewangan bagi pemindahan baki atau pendahuluan tunai.

Kewajipan Lain

- Sebagai pemegang kad utama, anda bertanggungjawab terhadap semua transaksi yang ditanggung oleh pemegang kad tambahan anda.
- Anda dikehendaki:-
 - (a) mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad Bank;
 - (b) menyimpan kad kredit dan PIN anda dengan selamat pada setiap masa;
 - (c) juga **jangan**:-
 - dedahkan butiran kad kredit atau PIN anda kepada mana-mana orang lain;
 - tuliskan PIN di atas kad kredit, atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan kad kredit;
 - gunakan PIN yang dipilih dari tarikh kelahiran, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor perhubungan anda;
 - benarkan mana-mana orang lain menggunakan kad kredit dan PIN;
 - (d) memberitahu Bank dengan segera selepas:-
 - anda menyedari bahawa kad kredit anda telah hilang, dicuri, atau transaksi yang tidak diberi kuasa telah dilakukan atau PIN mungkin telah diketahui oleh mana-mana orang lain. Anda juga mesti dalam masa tujuh (7) hari kalendar atas permintaan Bank, memberikan sesalinan laporan polis tentang kehilangan dan/atau kecurian dan/atau pendedahan PIN;
 - anda menerima amaran transaksi khidmat pesanan ringkas (SMS) dan transaksi tersebut tidak diberi kuasa oleh anda; dan
 - sebarang perubahan pada nombor perhubungan anda;
 - (e) pastikan anda tidak menggunakan kad kredit anda untuk sebarang aktiviti haram atau menyalahi undang-undang; dan
 - (f) menyemak dengan teliti penyata anda dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa berlengah dalam 14 hari kalendar dari tarikh anda menerima penyata. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan anda kehilangan hak anda untuk mencabar percanggahan tersebut.

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Cukai, fi dan perbelanjaan

Anda dikehendaki membayar semua cukai (*termasuk cukai perkhidmatan RM25 yang akan dikenakan selepas pengaktifan kad kredit utama dan tambahan baru. Bagi pemegang kad kredit sedia ada, cukai perkhidmatan RM25 akan dikenakan pada masa pembaharuan tahunan bagi setiap Kad Kredit utama dan tambahan anda*) dan semua fi dan perbelanjaan lain bagi kad kredit dikeluarkan kepada anda atau atas permintaan anda dan Bank boleh mendebit benda-benda ini dari akaun kad kredit anda.

Yuran Tahunan (RM)		
Jenis Kad	Kad Utama	Kad Tambahan
Kad Kredit CIMB Preferred Visa Infinite	DIKECUALIKAN	DIKECUALIKAN
Kad Kredit CIMB Enrich World Elite	RM1,215.09	RM271.70
Kad Kredit CIMB Visa Infinite	DIKECUALIKAN	DIKECUALIKAN
Kad Kredit CIMB Enrich World	RM554.72	DIKECUALIKAN
Kad Kredit CIMB World Mastercard	DIKECUALIKAN	DIKECUALIKAN
Kad Kredit CIMB Visa Signature	DIKECUALIKAN	DIKECUALIKAN
Kad Kredit CIMB Enrich Platinum	DIKECUALIKAN	DIKECUALIKAN
Kad Kredit CIMB Petronas Platinum	DIKECUALIKAN	DIKECUALIKAN
Kad Kredit CIMB Cash Rebate Platinum	DIKECUALIKAN	DIKECUALIKAN
Kad Kredit CIMB Platinum Mastercard	DIKECUALIKAN	DIKECUALIKAN
Kad Kredit CIMB Visa Platinum	DIKECUALIKAN	DIKECUALIKAN
Kad Kredit CIMB e	RM100	WAIVED

Fi & Caj Kad Kredit CIMB Bank / Kad CIMB Touch 'n Go Zing																	
Fi Pendahuluan Tunai	Fi pendahuluan tunai 5% daripada jumlah yang didahulukan atau minima RM15.00, yang mana lebih tinggi. Ini dikenakan bagi setiap urusniaga pendahuluan tuna																
Fi Pindahan Baki	Tidak Berkenaan																
Fi Terlebih Had	Tidak Berkenaan																
Fi Penggantian Kad	RM10 untuk gantian pertama & RM50 untuk setiap gantian seterusnya																
Fi Cek Tendang	Tidak Berkenaan																
Fi Cetak Semula Draf Jualan	RM14.15 setiap salinan																
Fi Permintaan Penyata Tambahan	RM5 setiap penyata bulanan																
Fi & Caj Lain	Tidak Berkenaan																
Cukai Perkhidmatan	RM25 akan dikenakan ke atas pengeluaran kad kredit utama dan tambahan dan setiap bulan ulang tahun kad kredit utama dan tambahan																
Fi Penyata Kertas	RM1 untuk setiap bulan																
Tukaran bagi Transaksi Luar Negara	Kadar pertukaran adalah tertakluk kepada ketetapan Mastercard International atau VISA International dengan kos pentadbiran sebanyak 1%* termasuk yuran transaksi yang dikenakan oleh Mastercard atau VISA. Pertukaran Mata Wang Dinamik (DCC) adalah servis yang ditawarkan oleh peniaga luar negara tertentu untuk memberi pilihan untuk membayar dalam Ringgit Malaysia (termasuk pembelian atas talian) untuk pembelian luar negara * Not applicable for CIMB Enrich World Elite Credit Card																
Fi & Caj Kad CIMB Touch 'n Go Zing	<table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="2">Kad Baru</th> <th colspan="3">Caj Tambah Nilai</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kad Baru</td> <td>RM10</td> <td rowspan="2">Jumlah Tambah Nilai</td> <td>RM100</td> <td>RM200</td> <td>RM300</td> </tr> <tr> <td>Kad Gantian</td> <td>RM10</td> <td>Fi Tambah Nilai</td> <td colspan="2">RM1.50</td> </tr> </tbody> </table>	Kad Baru		Caj Tambah Nilai			Kad Baru	RM10	Jumlah Tambah Nilai	RM100	RM200	RM300	Kad Gantian	RM10	Fi Tambah Nilai	RM1.50	
Kad Baru		Caj Tambah Nilai															
Kad Baru	RM10	Jumlah Tambah Nilai	RM100	RM200	RM300												
Kad Gantian	RM10		Fi Tambah Nilai	RM1.50													

5. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?

Caj bayaran lewat: Jika anda tidak membuat bayaran minimum tepat pada masanya, anda akan dikenakan caj bayaran lewat 1% ke atas baki yang tidak dibayar yang timbul daripada transaksi-transaksi runcit dan pendahuluan-pendahuluan tunai, tertakluk kepada minimum RM10.00 dan maksimum RM100.00.

Kami boleh memberikan kepada anda tempoh tangguh selama empat (4) hari kalendar untuk membayar jika tarikh matang bayaran jatuh pada hujung minggu atau cuti umum.

Hak tolakan: Kami boleh menolak sebarang baki kredit yang anda ada dengan kami dengan sebarang wang yang anda berhutang kepada kami dengan memberikan kepada anda notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar.

Tindakan yang boleh kami ambil: Kami boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap anda jika anda tidak membayar kami tepat pada masanya. Kami boleh tetapi tidak semestinya:-

- menghubungi anda untuk mengingatkan anda supaya membayar jumlah tertunggak;
- menghantar peringatan kepada anda melalui surat, khidmat pesanan ringkas atau emel; atau
- menghantar kakitangan kami dan/atau kakitangan agensi pungutan hutang yang disumber luar untuk melawat anda di rumah atau tempat perniagaan anda untuk mengingatkan anda tentang tanggungjawab pembayaran anda.

Kami boleh memperuntukkan sebarang wang yang anda mungkin miliki dalam mana-mana akaun anda dengan kami dan melaksanakan hak kami untuk menolak wang tersebut dan/atau menyenaraihitamkan nama anda dengan mana-mana agensi atau biro atau pangkala data kredit.

Sila ambil perhatian juga bahawa kami mempunyai hak untuk melantik ejen luar untuk mengutipkan hutang yang kena dibayar kepada kami dan menjual hutang anda yang berhutang kepada kami kepada pihak ketiga.

Tanggungjawab untuk transaksi yang tidak diberi kuasa:

Anda akan bertanggungjawab untuk

a) transaksi tidak diberi kuasa berdasarkan PIN jika anda telah:

- (i) bertindak secara penipuan;
- (ii) lewat dalam memberitahu Bank sebaik sahaja anda menyedari kehilangan atau penggunaan tanpa diberi kuasa kad kredit anda; atau
- (iii) secara sukarela mendedahkan PIN anda kepada orang lain; atau
- (iv) merekodkan PIN pada kad kredit, atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan atau dengan kad kredit anda.

b) transaksi tidak diberi kuasa yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad kredit tanpa sentuhan, jika anda telah:

- (i) bertindak secara penipuan;
- (ii) lewat dalam memberitahu Bank sebaik sahaja anda menyedari kehilangan atau penggunaan tanpa diberi kuasa kad kredit anda; atau
- (iii) meninggalkan kad kredit anda atau barang yang mengandungi kad kredit anda tanpa pengawasan, di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
- (iv) secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan kad kredit anda.

Penggantungan atau penamatan kad kredit

Sekiranya anda tidak membayar apa yang anda hutang kepada kami atau melanggar mana-mana terma-terma penggunaan kad kredit, kami boleh menggantung atau menamatkan kad kredit anda dan boleh membuat keputusan untuk tidak mengembalikan semula kad kredit walaupun selepas anda menyelaraskan akaun anda.

Sekiranya anda menggunakan kad kredit anda untuk sebarang tujuan haram atau menyalahi undang-undang (contohnya untuk tujuan perjudian dalam talian, aktiviti haram, membenarkan orang lain menggunakan kad kredit, dan sebagainya) kami boleh menamatkan kad kredit anda.

6. Bagaimanakah jika saya menyelesaikan baki dengan sepenuhnya sebelum tarikh matangnya? (Bagi pelan pemindahan baki atau bayaran *flexi*)

- Tempoh terkunci: Tidak Terpakai
- Penalti penyelesaian awal: Tidak Terpakai

Sila rujuk kepada laman web CIMB Bank di www.cimb.com.my bagi Lembaran Pendedahan Produk (LPP) Pemindahan Baki.

7. Apakah risiko utama?

Jika anda hanya membayar jumlah minimum yang kena dibayar, ia akan mengambil masa yang lebih lama dan kos yang lebih banyak untuk menyelesaikan baki tertunggak. Fikirkan tentang keupayaan pembayaran balik anda apabila mengecaj kad kredit.

Caj kewangan yang dikenakan ke atas baki tertunggak bagi kad kredit ini berdasarkan struktur penetapan harga bertahap menurut sejarah pembayaran balik anda.

Jika anda menggunakan kad kredit anda untuk melakukan pembayaran balik bagi pembiayaan lain, ia mungkin lebih mahal.

Jika anda menghadapi masalah membayar baki kad kredit anda, hubungi kami terlebih dahulu untuk membincangkan alternatif pembayaran balik

Anda perlu memaklumkan kepada kami dengan serta-merta setelah mendapati bahawa kad kredit anda telah hilang, dicuri, transaksi yang tidak diberi kuasa telah berlaku atau PIN mungkin telah dikompromi.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butir-butir hubungan saya?

Ia adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai kad kredit, sila rujuk kepada risalah maklumat perbankan berkenaan 'Kad Kredit', yang boleh didapati di semua cawangan CIMB Bank kami di seluruh negara dan laman web www.bankinginfo.com.my atau log masuk ke www.cimb.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di +603 6204 7788.

10. Produk kad kredit lain yang boleh didapati:

Sila rujuk kepada laman web CIMB Bank di www.cimb.com.my.

11. Notis Sekiranya Anda Membuat Bayaran Bulanan Minimum Sahaja

Jadual di bawah menunjukkan jumlah caj kewangan bagi senario jumlah tertunggak yang berbeza yang anda perlu bayar dan tempoh yang diambil untuk membayar balik hutang anda sepenuhnya jika anda hanya membayar jumlah minimum. Pengiraan adalah berdasarkan bayaran minimum 5% atau RM50, yang mana lebih tinggi, dengan caj kewangan 18% dengan syarat bahawa tiada transaksi baru. Pengiraan ini adalah berdasarkan tempoh 30 hari sebulan.

Contoh bagi senario-senario jumlah tertunggak yang berbeza			
Baki tertunggak (RM)	Bayaran Balik (RM)	Tempoh Bayaran Balik (Bulan)	Jumlah Caj Kewangan Terakru (RM)
3,000	Bayaran min RM150	55	1,054.96
	Bayar RM250	14	332.67

5,000	Bayaran min RM250	70	1,912.09
	Bayar RM350	17	669.63
10,000	Bayaran min RM500	89	4,054.96
	Bayar RM650	18	1,455.31

12. Di manakah boleh saya dapatkan bantuan dan membuat aduan?

Jika anda mengalami masalah dalam membuat bayaran balik, anda harus menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Anda boleh hubungi kami di:

Unit Resolusi Pelanggan

Alamat: Peti Surat 10338 Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan

Telefon : +603 6204 7788

E-mel : cru@cimb.com

Sebagai alternatif, anda boleh dapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma ke atas pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang bagi individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Alamat : Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur

Telefon : +603 2616 7766

E-mel : enquiry@akpk.org.my

Anda juga boleh menyertai Program “Pengurusan Wang Ringgit Anda” (POWER) yang ditawarkan oleh AKPK yang menggalakkan disiplin kewangan dan pengurusan kewangan berhemah. Untuk maklumat lanjut atau mendaftar, sila hubungi AKPK di +603 2616 7766 atau layari laman web di www.akpk.org.my.

Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh hubungi kami di:

Unit Resolusi Pelanggan

Alamat : Peti Surat 10338 Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan

Telefon : +603 6204 7788

E-mel : cru@cimb.com

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Telefon : 1 300 88 5465

Faks : +603 2174 1515

E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN BAYARAN BALIK KE ATAS BAKI KAD KREDIT ANDA.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini sah setakat 16/7/2020.